

PERSEPSI PELAJAR TINGKATAN DUA KE ATAS
KESEDIAAN PELAJAR DALAM PROGRAM
ETEMS DI SEBUAH SEKOLAH DI
DAERAH TENOM



DOREN DINTI HERMAN

SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2005

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : _____

IJAZAH : _____

SAYA : _____ SESI PENGAJIAN : _____
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

☐

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: _____

TARIKH: _____

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)_____
(NAMA PENYELIA)

TARIKH: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.

*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Ruay @

.....
RUAYAH @ DOREN BINTI HERMAN

PS2002-006(K)-325

30 OKTOBER 2004




PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

PENYELIA:



.....
DR. VINCENT PANG

(SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL)



UMS
PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Syukur dan terima kasih kerana akhirnya Disertasi ini dapat diselesaikan dengan jayanya. Disertasi yang dihasilkan ini adalah sebagai syarat untuk penganugerahan Sarjana Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi semester pertama sesi 2002/2003.

Ucapan penghargaan ini terutamanya ditujukan khususnya kepada Dr. Vincent, pensyarah dan penyelia, yang sentiasa cuba memberikan yang terbaik dengan memberi tunjuk ajar dan panduan serta pembaikan dari semasa ke semasa sehinggalah disertasi ini berjaya diselesaikan.

Ucapan penghargaan seterusnya ditujukan kepada SMK. Kemabong, Tenom khususnya pihak pentadbir sekolah iaitu Encik Ambrose Mudi, pengetua sekolah yang sentiasa memberikan kerjasama, tunjuk ajar dan input yang menyenangkan sepanjang penilaian dibuat di sekolah. Begitu juga kepada pengetua SMK. Likas, Encik Aslie Sahat dan penyelia petang dan juga rakan seperjuangan Puan Salmah Ahmad kerana sentiasa memberikan kerjasama serta tunjuk ajar sepanjang masa dalam menyiapkan kajian yang dibuat.

Tidak lupa juga, penghargaan ditujukan kepada Ketua Bidang Matematik dan Sains, SMK. Kemabong, Tenom, Encik Sivasanggar Subramaniam yang sentiasa memberikan komitmen yang tinggi dan 'membekalkan' maklumat yang diperlukan untuk kertas ilmiah ini.

Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada keluarga saya kerana sentiasa memberikan sokongan moral dan bantuan yang tidak hentinya sehingga disertasi ini dapat diselesaikan.

Diharap disertasi ini dapat membantu sedikit sebanyak pihak yang berkenaan mengenai isu yang diutarakan dalam penilaian ini.

ABSTRAK

PERSEPSI PELAJAR TINGKATAN DUA TERHADAP KESEDIAAN PELAJAR DALAM PROGRAM ETEMS DI SEBUAH SEKOLAH DI DAERAH TENOM

Disertasi yang dihasilkan ini mengupas akan persepsi pelajar tingkatan dua terhadap kesediaan pelajar dalam Program ETeMS di sebuah sekolah di Daerah Tenom. Program ETeMS yang dilaksanakan pada awal tahun 2003 merupakan satu pembaharuan dalam sistem pendidikan negara yang menjadikan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dalam dua mata pelajaran utama di sekolah-sekolah iaitu Matematik dan Sains. Program ETeMS ini mulai dilaksanakan secara berperingkat iaitu Tahun Satu, Tingkatan Satu, Tingkatan Empat dan Tingkatan Enam Rendah di semua sekolah di seluruh negara. Kesediaan pelajar yang merangkumi minat, keyakinan, sokongan yang diterima serta penggunaan sumber pendidikan merupakan aspek yang perlu diperhatikan dalam pelaksanaan Program ETeMS ini kerana aspek-aspek ini akan memberi impak yang nyata terhadap keberkesanan program. Selain itu, tahap prestasi pelajar dalam tiga mata pelajaran utama iaitu keputusan peperiksaan penggal pertama Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris pelajar dan tahap pendidikan ibu bapa/penjaga juga dilihat sebagai faktor terhadap kesediaan pelajar. Dalam tesis ini, kaedah analisis data melalui soal selidik kepada pelajar digunakan dengan menggunakan Ujian Korelasi 'r' Pearson dan Ujian ANOVA. Hasil ujian yang dilakukan, didapati kesediaan pelajar yang melihat perkaitan dengan tahap prestasi pelajar dalam tiga mata pelajaran tersebut adalah 0.029 merupakan nilai korelasi signifikan iaitu perkaitan yang boleh diabaikan manakala hubungan antara kesediaan pelajar dengan tahap pendidikan ibu bapa/penjaga ialah nilai min yang signifikan iaitu 0.001 yang menunjukkan hubungan yang positif antara kedua-dua pemboleh ubah yang dijadikan kajian. Dengan ini, adalah jelas kesediaan pelajar dalam Program ETeMS ini adalah bergantung kepada beberapa faktor lain yang perlu diberi perhatian agar Program ETeMS ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

ABSTRACT

The Perception Of Form Two Students On Their Readiness For ETeMS Programme In A School In Tenom District

This disertation looked into the perception of Form Two Students on their readiness for ETeMS Programme in a school in Tenom District. The ETeMS Programme was first introduced in the beginning of a new school term in 2003. It was a turning point in our education system, whereby two major subjects were taught in English language. ETeMS was introduced in stages at all Malaysian schools, beginning from students in Year One, Form One, Form Four and Lower Six. Students' readiness for ETeMS encompasses their interests, confidence, the supports they receive and the use of educational resources were some of factors that need to be looked into the in the implementation of ETeMS. This is due to the fact that these factors have a great impact on the effectiveness of ETeMS. Students' achievement in three main subjects that are Mathematics, Science and English Language in their first term examination and their parents'/guardians' level of education were also considered as factors for students' readiness for ETeMS. In this disertation the data collected from questionnaire to the students were analyzed using the Pearson 'r' Correlation Test and ANOVA Test. The results of the data analysis showed that the readiness of the students in the three subjects was 0.029, which was a significant correlation; meaning the link between the variables can be ignored. On the other hand, the link between parents'/guardians' level of education with the students readiness for ETeMS had a significant min value of 0.001. This mean that, there was a positive link between the variables that were studied. Therefore, it was clear that students readiness for ETeMS Programme depended on a few other factors that need attention so that the ETeMS programme can be successfully implemented in schools.

KANDUNGAN

Muka Surat

Pengakuan	i
Pengesahan	ii
Penghargaan	iii
Abstrak	iv
<i>Abstract</i>	v
Kandungan	vi,vii,viii
Senarai Jadual	ix,x, xii
Senarai Rajah	xii

BAB 1: PENGENALAN

1.1.	Pendahuluan	1
1.2.	Latar Belakang Program ETeMS	3
1.3.	Pernyataan Masalah	7
1.4.	Tujuan Kajian	12
1.5.	Objektif Kajian	12
1.6.	Persoalan Kajian	13
1.7.	Hipotesis Kajian	14
1.8.	Kepentingan Kajian	16
1.9.	Definisi Operasional	17
1.10.	Batasan Kajian	19

BAB 2: KAJIAN LITERATUR

2.1.	Pendahuluan	22
2.2.	Kepentingan Bahasa Inggeris Dan Rasional Pelaksanaan Program ETeMS	23
2.3.	Kepentingan Persepsi Pelajar Berasaskan Kepada Kesiediaan Pelajar; Minat, Keyakinan Dan Sokongan Yang Diperoleh Oleh Pelajar	30
2.3.1.	Kesiediaan Pelajar	30
2.3.2.	Minat Pelajar	32
2.3.3.	Keyakinan Pelajar	33
2.3.4.	Sokongan	35
2.4.	Penggunaan Sumber Pendidikan Dalam Program ETeMS	41
2.5.	Tahap Prestasi Akademik Pelajar	47
2.6.	Tahap Pendidikan Ibu Bapa/Penjaga	51
2.7.	Kerangka Kajian	53
2.8.	Rumusan	56

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1.	Pendahuluan	57
3.2.	Reka Bentuk Kajian	57
3.3.	Populasi Dan Sampel Kajian	60
3.3.1	Kajian Rintis	62
3.4.	Instrumen Kajian	62
3.4.1.	Soal Selidik Pelajar	63
3.5.	Tempat Kajian	67
3.5.1.	Latar Belakang Sekolah Pilihan	67
3.6.	Pentadbiran Instrumen Kajian	67
3.6.1.	Pentadbiran Soal Selidik	67
3.7.	Analisis Data	68
3.7.1.	Kaedah Deskriptif	69
3.7.2.	Ujian Korelasi 'r' Pearson	71
3.7.3.	Ujian ANOVA	73
3.8.	Prosedur Kajian	74

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.1.	Pendahuluan	76
4.2.	Dapatan Kajian	76
4.2.1.	Bahagian 1: Latar Belakang Pelajar	77
4.2.2.	Bahagian 2: Aspek Kesediaan Pelajar	82
4.3.	Rumusan Dapatan Kajian	101

BAB 5: RUMUSAN, CADANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	104
5.2	Rumusan Dapatan	105
5.3	Implikasi Dapatan Dan Perbincangan	106
5.4	Cadangan	110

Bibliografi	112
Lampiran A: Keputusan Analisis Keesahan Soal Selidik Bagi Kajian Rintis	121
Lampiran B: Keputusan Ujian Analisis Keesahan Bagi Soal Selidik Kepada Pelajar Di Tenom	123
Lampiran C: Item Soal Selidik Kepada Pelajar	127
Lampiran D: Surat Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian di Sekolah Daripada Kementerian Pendidikan	135

SENARAI JADUAL

Muka Surat

Jadual 2.1: Item Soal Selidik Berkaitan Dengan Minat Pelajar	33
Jadual 2.2: Item Soal Selidik Berkaitan Dengan Keyakinan Pelajar	35
Jadual 2.3: Item Soal Selidik Berkaitan Dengan Sokongan Kepada Pelajar Daripada Guru-guru, Pengetua, Ibu Bapa/Penjaga Dan Rakan-rakan	40
Jadual 2.4: Item Soal Selidik Berkaitan Dengan Penggunaan Sumber Pendidikan	45
Jadual 2.5: Pencapaian Bahasa Inggeris Pelajar	48
Jadual 2.6: Item Soal Selidik Berkaitan Dengan Tahap Prestasi Pelajar Dalam Matematik, Sains Dan Bahasa Inggeris	51
Jadual 2.7: Item Soal Selidik Berkaitan Dengan Tahap Pendidikan Ibu Bapa/Penjaga	53
Jadual 3.1: Pembahagian Instrumen Soal Selidik	62
Jadual 3.2: Item Soal Selidik Pelajar	63
Jadual 3.3: Skala Bagi Item I, II dan III	64
Jadual 3.4: Skala Bagi Item IV	64
Jadual 3.5: Skala Likert Soal Selidik Pelajar	65
Jadual 3.6: Item Soal Selidik Pelajar	65
Jadual 3.7: Pemberian Nilai Bagi Penggiraan Gred A, B, C, D dan E Dalam SPSS Bagi Item I, II dan III (Latar Belakang Pelajar)	69
Jadual 3.8: Pemberian Nilai Bagi Penggiraan Tahap Pendidikan Ibu Bapa/Penjaga Dalam SPSS Bagi Item IV (Latar Belakang Pelajar)	70
Jadual 3.9: Interpretasi Skor Min	70
Jadual 3.10: Kaedah Analisis Data	71
Jadual 3.11: Julat Korelasi 'r' Pearson	73
Jadual 3.12: Rangka Kerja Pengkaji	75
Jadual 4.1: Keputusan Deskriptif (Min) Bahagian Latar Belakang Pelajar	77
Jadual 4.2: Keputusan Peperiksaan Penggal Pertama Matematik	78
Jadual 4.3: Keputusan Peperiksaan Penggal Pertama Sains	79
Jadual 4.4: Keputusan Peperiksaan Penggal Pertama Bahasa Inggeris	80
Jadual 4.5: Tahap Pendidikan Ibu Bapa/Penjaga	81
Jadual 4.6: Persepsi Pelajar Ke Atas Hubungan Antara Minat Dengan Tahap Prestasi Pelajar Dalam Subjek Matematik	82
Jadual 4.7: Persepsi Pelajar Ke Atas Hubungan Antara Minat Dengan Tahap Prestasi Pelajar Dalam Subjek Sains	83

Jadual 4.8: Persepsi Pelajar Ke Atas Hubungan Antara Minat Dengan Tahap Prestasi Pelajar Dalam Subjek Bahasa Inggeris	84
Jadual 4.9: Persepsi Pelajar Ke Atas Hubungan Antara Keyakinan Dengan Tahap Prestasi Pelajar Dalam Subjek Matematik	85
Jadual 4.10: Persepsi Pelajar Ke Atas Hubungan Antara Keyakinan Dengan Tahap Prestasi Pelajar Dalam Subjek Sains	86
Jadual 4.11: Persepsi Pelajar Ke Atas Hubungan Antara Keyakinan Dengan Tahap Prestasi Pelajar Dalam Subjek Bahasa Inggeris	86
Jadual 4.12: Persepsi Pelajar Ke Atas Hubungan Antara Sokongan Dengan Tahap Prestasi Pelajar Dalam Subjek Matematik	87
Jadual 4.13: Persepsi Pelajar Ke Atas Hubungan Antara Sokongan Dengan Tahap Prestasi Pelajar Dalam Subjek Sains	88
Jadual 4.14: Persepsi Pelajar Ke Atas Hubungan Antara Sokongan Dengan Tahap Prestasi Pelajar Dalam Subjek Bahasa Inggeris	89
Jadual 4.15: Persepsi Pelajar Ke Atas Hubungan Antara Penggunaan Sumber Pendidikan Dengan Tahap Prestasi Pelajar Dalam Subjek Matematik	90
Jadual 4.16: Persepsi Pelajar Ke Atas Hubungan Antara Penggunaan Sumber Pendidikan Dengan Tahap Prestasi Pelajar Dalam Subjek Sains	91
Jadual 4.17: Persepsi Pelajar Ke Atas Hubungan Antara Penggunaan Sumber Pendidikan Dengan Tahap Prestasi Pelajar Dalam Subjek Bahasa Inggeris	92
Jadual 4.18: Perbezaan Persepsi Pelajar Ke Atas Minat Dalam Program ETeMS Berdasarkan Tahap Pendidikan Ibu Bapa/Penjaga	92
Jadual 4.19: Ujian Post-Hoc ANOVA Perbezaan Minat Pelajar Dalam Program ETeMS Berdasarkan Tahap Pendidikan Ibu Bapa/Penjaga	94
Jadual 4.20: Perbezaan Persepsi Pelajar Ke Atas Keyakinan Dalam Program ETeMS Berdasarkan Tahap Pendidikan Ibu Bapa/Penjaga	95
Jadual 4.21: Ujian Post-Hoc Perbezaan Keyakinan Pelajar Dalam Program ETeMS Berdasarkan Tahap Pendidikan Ibu Bapa/Penjaga	96
Jadual 4.22: Perbezaan Persepsi Pelajar Ke Atas Sokongan Yang Diterima Oleh Pelajar Dalam Program ETeMS Berdasarkan Tahap Pendidikan Ibu Bapa/Penjaga	98

Jadual 4.23: Perbezaan Persepsi Pelajar Ke Atas Penggunaan Sumber Pendidikan Dalam Program ETeMS Berdasarkan Tahap Pendidikan Ibu Bapa/Penjaga	99
Jadual 4.24: Ujian Post-Hoc Perbezaan Penggunaan Sumber Pendidikan Dalam Program ETeMS Berdasarkan Tahap Pendidikan Ibu Bapa/Penjaga	100
Jadual 4.25: Hasil Dapatan Hipotesis	101
Jadual 4.26: Persepsi Pelajar Terhadap Hubungan Antara Prestasi Mata Pelajaran Matematik, Sains Dan Matematik Dengan Tahap Kesediaan Pelajar	102
Jadual 4.27: Perbezaan Persepsi Pelajar Terhadap Tahap Kesediaan Pelajar Dengan Tahap Pendidikan Ibu Bapa/Penjaga	103



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

Muka Surat

Rajah 2.1: Model Kesianaan Pelajar	32
Rajah 2.2: Peringkat Keperluan Manusia Oleh Abraham Maslow	37
Rajah 2.3: Pengaruh-pengaruh Sebab Ke Atas Pembelajaran Pelajar Menurut Sharil	40
Rajah 2.4: Model Pembelajaran Yang Berkesan	46
Rajah 2.5: Model Pelaksanaan Program Berkesan	47
Rajah 2.6: Model Kerangka Kajian	54
Rajah 2.7: Model Kerangka Kajian Berdasarkan KIPP (Stufflebeam)	56
Rajah 4.1: Keputusan Peperiksaan Penggal Pertama Matematik	78
Rajah 4.2: Keputusan Peperiksaan Penggal Pertama Sains	79
Rajah 4.3: Keputusan Peperiksaan Penggal Pertama Bahasa Inggeris	81
Rajah 4.4: Tahap Pendidikan Ibu Bapa/Penjaga	82



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1. Pendahuluan

Pelaksanaan program pengajaran dan pembelajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris *atau English in Teaching Mathematics and Science* (ETeMS) ini merupakan satu pembaharuan yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Program ini dilaksanakan untuk mempertingkatkan lagi mutu pendidikan negara dengan memberi penekanan terhadap penggunaan Bahasa Inggeris dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik dan Sains bagi pelajar-pelajar di Tingkatan Satu, Tingkatan Empat dan Tingkatan Enam Rendah mulai awal tahun 2003 lagi.

Pelaksanaan program ETeMS merupakan satu reformasi besar dalam agenda pendidikan negara sesuai dengan cita-cita negara dan tuntutan globalisasi dunia masa kini. Program ini cuba memenuhi Wawasan 2020 negara (Mahathir, 2002). Semenjak diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan, banyak persepsi daripada pelbagai pihak mengenai program ini. Implikasi yang dipersoalkan terutamanya tentang status Bahasa Melayu yang nampaknya semakin kecil dalam konteks pendidikan masa kini (AlKundangi, 2002 & Hassan, 2003).

Polisi untuk menukar bahasa pengantar pengajaran dan pembelajaran Matematik dan Sains daripada Bahasa Melayu kepada Bahasa Inggeris

merupakan satu inovasi yang penting yang memberi kesan kepada pelajar-pelajar dan guru-guru Matematik dan Sains (MST) secara keseluruhannya.

Pelajar-pelajar dapat merasakan impak daripada program kerana sebelum ini pelajar-pelajar telah biasa menjalani suasana pengajaran dan pembelajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Melayu. Oleh itu, adalah jelas bahawa asas penguasaan Bahasa Inggeris pelajar juga merupakan satu keperluan yang agak penting untuk memastikan bahawa program ETeMS dapat dilaksanakan dengan berjaya dan berkesan.

Inovasi ini diharapkan dapat memberikan faedah yang maksimum dan keperluan utama ialah membangunkan atau meningkatkan kefasihan berbahasa Inggeris untuk mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran. Objektif pengajaran dan pembelajaran berasaskan teknologi yang masih banyak dalam buku-buku teks yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Menurut Chiam (2002), salah satu cara yang efektif untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris pelajar ialah dengan cara pelajar menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa perantara dalam pembelajaran.

Program ETeMS ini merupakan satu cabaran kepada guru-guru yang telah terlatih dalam medium Bahasa Melayu dan guru-guru yang terlatih dalam medium Bahasa Inggeris, yang telah mempunyai pengalaman yang luas dalam pengajaran dan pembelajaran menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa perantara.

Kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan era digitalisasi dalam pendidikan memang tidak dapat dinafikan. Peranan ICT dalam memperkasakan lagi penggunaan Bahasa Inggeris sebagai literasi bahasa komputer dalam pemerolehan ilmu dan maklumat melalui internet, misalnya telah menjadi sinonim dalam mana-mana aktiviti yang dijalankan. Penggunaan

internet telah menjadikan kemahiran berbahasa Inggeris sebagai satu keperluan dan 80 peratus atau satu billion orang mengakses internet menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002). Walaupun pelbagai jaringan pendidikan diadakan dalam Bahasa Melayu melalui internet namun bagi pemerolehan maklumat tentang bidang-bidang yang khusus seperti Sains dan Teknologi yang terkini masih banyak dalam Bahasa Inggeris.

Kesimpulannya, Program ETeMS ini diharapkan oleh Kementerian Pendidikan dapat memberi kesan yang optimum untuk meningkatkan prestasi pelajar dalam Bahasa Inggeris.

1.2. Latar Belakang Program ETeMS.

Pelaksanaan program pengajaran dan pembelajaran (P&P) Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris (ETeMS) ini telah dicadangkan sebagai satu keperluan kemahiran yang mendesak untuk memastikan bahawa guru-guru Matematik dan Sains (MST) akan mempunyai kapasiti asas untuk menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar pembelajaran.

Matlamat keseluruhan ETeMS ialah meningkatkan kemahiran berbahasa Inggeris bagi guru-guru Matematik dan Sains untuk membolehkan guru-guru mengajar secara efektif menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.

ETeMS tidak boleh dipertimbangkan sebagai satu kursus pembangunan bahasa yang penuh tetapi lebih kepada salah satu daripada mekanisme penyokong yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan untuk menggalakkan perkembangan pengajaran dan pembelajaran Matematik dan Sains pada tahap optimum secara menyeluruh. Program ETeMS ini adalah satu cara aplikasi pembangunan profesional di dalam dua bidang iaitu Sains dan

Matematik yang dicadangkan oleh *The English Language Teaching Centre*, Malaysia (ELTC). Oleh itu, keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersepakat bahawa dua perkara utama dilaksanakan iaitu; mata pelajaran Matematik dan Sains diajar dalam Bahasa Inggeris dan pelaksanaan secara serentak pada semua tahap persekolahan Tahun Satu, Tingkatan Satu dan Tingkatan Enam Rendah dan tidak secara berperingkat seperti lazimnya.

Rasional ETeMS dilaksanakan adalah untuk menggalakkan atau meningkatkan Bahasa Inggeris ini melalui Matematik dan Sains dalam tiga bidang yang utama iaitu; Bahasa Inggeris untuk mengakses maklumat, bahasa untuk pengajaran Sains dan Matematik serta bahasa untuk pertukaran profesional (professional exchange).

Musa (2002) berpendapat bahawa penguasaan bahasa Inggeris amat penting dalam menghadapi cabaran globalisasi dan ledakan maklumat masa kini terutama peranan Bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa dan bahasa ilmu utama di dunia. Secara umumnya, Kementerian Pendidikan telah mengemukakan rasional program ini dan diringkaskan kepada dua sebab utama iaitu; kepentingan Matematik dan Sains dan kepentingan Bahasa Inggeris itu sendiri. Bidang Matematik dan Sains merupakan dua bidang ilmu yang sangat dinamik dan sebahagian besar maklumat terkini mengenai bidang ini terdapat dalam Bahasa Inggeris.

Di samping itu, kepentingan Bahasa Inggeris sebagai bahasa ilmu dan bahasa hubungan antarabangsa memang tidak dapat dinafikan. Walaupun Bahasa Inggeris dipelajari oleh pelajar selama 11 tahun tetapi prestasi pelajar masih belum memuaskan (Jabatan Pendidikan Sabah, 2002).

Apabila Tan Sri Dato' Musa Mohamad mengemukakan usul pelaksanaan program ETeMS ini, pelbagai reaksi telah dapat diterima daripada pelbagai pihak.

ETeMS yang telah mula dilaksanakan mulai awal tahun 2003, bermula dari Tahun Satu, Tingkatan Satu dan Tingkatan Enam Rendah dalam semua sekolah kebangsaan dan dilaksanakan sepenuhnya pada semua peringkat sekolah menjelang 2008. Pelaksanaan program ini dikatakan bersesuaian dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang sangat lengkap dan memenuhi keperluan semasa dan senario dunia masa kini. Program ETeMS ini adalah selaras dengan matlamat yang ingin dicapai oleh negara dan meletakkan Wawasan 2020 sebagai teras utama perubahan atau reformasi ini dibuat. Justeru itu, Wawasan 2020 ini telah memberi implikasi yang besar kepada semua lapangan kehidupan dan jurusan pembangunan terutama sekali kepada sektor pendidikan (Hussein, 1993).

Malah ditinjau dari segi keperluan negara, negara yang maju adalah negara yang banyak menekankan perkembangan sains dan teknologi dalam agenda pembangunan negara, misalnya di Amerika Syarikat, apabila penekanan terhadap mata pelajaran Sains dan Teknologi dilaksanakan, didapati pembangunan di Amerika Syarikat meningkat (Hudson & Alan, 1993).

Menurut Mohd. Salleh (1998), tidak perlu dipersoalkan lagi bahawa pelaburan dalam pendidikan memberi keuntungan kepada pembangunan ekonomi dan sosial negara. Oleh itu, dasar pendidikan sekarang lebih menitikberatkan bidang sains dan teknologi, maka Kementerian Pendidikan Malaysia telah memberatkan agar generasi baru sekarang lebih menumpukan bidang tersebut daripada bidang sastera.

Jika ditinjau, bidang sains dan teknologi merupakan bidang ilmu yang bersifat dinamik dan Bahasa Inggeris menjadi bahasa pengantarnya. Didapati dalam konteks Malaysia, penguasaan Bahasa Inggeris masih rendah lagi pada masa sekarang (Jabatan Pendidikan Sabah, 2002), sedangkan keperluan semasa

menuntut kemahiran berbahasa Inggeris bagi memudahkan penerokaan ilmu-ilmu berkenaan.

Apabila program ETeMS ini dilaksanakan, keupayaan guru-guru Matematik dan Sains berbahasa Inggeris dipersoalkan dan bagi pelajar-pelajar di luar bandar didapati penguasaan Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris masih pada tahap yang rendah. Dengan pelaksanaan program ini, isu-isu seperti kedaulatan Bahasa Melayu sebagai bahasa utama negara dipersoalkan, malah pandangan guru-guru sekolah-sekolah Cina telah diambil dan akhirnya sistem jadual waktu berasingan diwujudkan.

Kerajaan berkeyakinan bahawa pelajar akan menjadi lebih berkeyakinan apabila menjadi penutur 'bilingual' atau dwibahasa. Kemungkinan timbul beberapa masalah seperti pelajar di luar bandar akan tercicir dan tidak berminat dengan Matematik dan Sains disebabkan kelemahan dalam Bahasa Inggeris. Malah guru-guru mungkin hilang minat dan berasakan bahawa ketidakadilan wujud dalam pemberian insentif gaji iaitu 5% bagi guru siswazah, 10% bagi guru bukan siswazah khusus bagi mereka yang terlibat dalam program ETeMS ini.

Oleh itu, Kementerian Pendidikan telah membuat beberapa andaian dan mencari jalan mengatasinya. Kelemahan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan guru-guru dan pelajar sendiri menjadikan program ETeMS ini dilaksanakan. Melalui bahasa yang digunakan, penyampaian ilmu dapat dilaksanakan dengan baik tetapi sekiranya melalui program ETeMS ini, didapati guru dan pelajar sendiri kurang fasih berbahasa Inggeris, maka hasil atau objektif pengajaran dan pembelajaran tidak tercapai dan ilmu yang sepatutnya disalurkan tidak dapat dicapai.

Kementerian Pendidikan telah mengadakan sekurang-kurangnya satu perjumpaan dan perbincangan secara formal dengan kumpulan-kumpulan termasuklah badan-badan pendidikan seperti Persatuan Pengetua Kebangsaan Malaysia dan Majlis Guru-guru Besar Malaysia, ahli-ahli akademik, tokoh-tokoh pendidikan, kesatuan-kesatuan guru, beberapa orang guru besar, jurulatih-jurulatih utama dalam bidang Matematik dan Sains serta guru-guru sekolah rendah dan menengah. Hasil perjumpaan telah bersetuju sebulat suara dan pandangan agar pelaksanaan ini dimulakan dari tahun satu supaya dapat menguasai kedua-dua bahasa dan menjadi pelajar 'bilingual'.

Keseluruhannya, keberkesanan Program ETeMS dalam meningkatkan penguasaan pelajar dalam Bahasa Inggeris di kalangan pelajar masih menjadi tanda tanya memandangkan program ETeMS ini telah dilaksanakan semenjak hampir dua tahun yang lalu dengan mengambil kira beberapa perkara yang dipersoalkan seperti minat, keyakinan, sokongan yang diperolehi oleh pelajar penggunaan sumber pendidikan yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) Program ETeMS.

1.3. Pernyataan Masalah

Apabila Program ETeMS ini mulai dilaksanakan pada awal tahun 2003 yang lalu, perkara utama yang menjadi persoalan ialah mengenai aspek kesediaan pelajar-pelajar yang terlibat dalam program ini secara keseluruhannya. Masalah yang ingin dikaji secara keseluruhannya ialah apakah persepsi pelajar dalam aspek kesediaan pelajar terhadap Program ETeMS. Kesediaan pelajar yang merangkumi aspek minat, keyakinan, sokongan dan penggunaan sumber pendidikan yang digunakan dalam P&P menjadi persoalan dalam pelaksanaan program ini. Kajian ini cuba melihat apakah tahap prestasi pelajar dalam mata pelajaran Matematik,

Sains dan Bahasa Inggeris mempengaruhi kesediaan pelajar dan apakah wujudnya hubungan antara tahap pendidikan ibu bapa terhadap persepsi pelajar dalam Program ETeMS ini.

Menurut Ainon Mohd. dan Abdullah Hassan (2003), kesediaan pelajar ini adalah merangkumi konsep diri jasmani, konsep diri sosial, konsep diri emosi dan konsep diri intelektual. Konsep diri intelektual ini merupakan perkara yang penting dalam kejayaan akademik dan sekiranya konsep diri intelektual ini perilaku pelajar dan sekiranya pelajar mempunyai konsep diri intelektual yang negatif, tentunya akan mempengaruhi akademik seseorang pelajar. Kesediaan pelajar sememangnya adalah penting dalam menjamin keberkesanan perjalanan sesuatu program dan aktiviti P&P yang dilaksanakan. Begitu juga dalam konteks kesediaan pelajar yang rendah, bagaimanakah seseorang pelajar dapat menerima P&P yang dilaksanakan? Menurut Mok (1997), prestasi pelajar mungkin akan terjejas apabila tahap penerimaannya adalah rendah.

Asmah (1989) juga menyatakan bahawa faktor bahasa juga memainkan peranan yang penting dalam P&P di sekolah. Melalui bahasa yang digunakan, penyampaian ilmu dapat dilaksanakan dengan baik tetapi sekiranya melalui program ETeMS ini, didapati guru dan pelajar sendiri kurang fasih berbahasa Inggeris, maka hasil atau objektif pengajaran dan pembelajaran tidak tercapai dan ilmu yang sepatutnya disalurkan tidak dapat dicapai.

Menurut Ainon dan Abdullah (2003) lagi, di sekeliling pelajar terdapat individu-individu lain yang mempengaruhi konsep diri pelajar. Misalnya ibu bapa, adik-beradik, rakan-rakan dan komuniti di persekitaran pelajar. Justeru itu, individu-individu ini sebenarnya boleh memberikan kesan kepada seseorang pelajar terutama dalam bidang akademik, contohnya keadaan sosio-ekonomi keluarga seperti pendidikan ibu bapa atau penjaga boleh menjadi pengaruh

utama dalam memberi galakan kejayaan akademik pelajar. Ini dapat dilihat misalnya ibu bapa yang mempunyai asas pendidikan yang baik mungkin dapat melihat bahawa galakan boleh diberikan kepada pelajar-pelajar kerana kesedaran yang ibu bapa atau penjaga tersebut wujud. Tanpa galakan dan kesedaran demikian mungkin akan mempengaruhi perkembangan akademik pelajar.

Minat, keyakinan dan sokongan yang diperoleh oleh seseorang pelajar juga bergantung kepada kematangan mental dan juga segala pengalaman yang terhimpun yang dapat bertindak menjadi asas kepada pembinaan pembelajaran yang baru. Oleh itu, program ETeMS ini tidak akan dapat merealisasikan objektif yang diberikan seandainya keperluan tersebut tidak dititikberatkan. Kesediaan pelajar dalam merealisasikan program ini diambilkira kerana pelajar merupakan produk utama dalam pencapaian objektif pendidikan.

Pelaksanaan ETeMS ini memerlukan pembaharuan yang nyata dari segi penggunaan bahasa itu sendiri yang mana jika kita kaji sejarah pendidikan pelajar dari sekolah rendah, mata pelajaran Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris ini diajar dalam Bahasa Melayu. Oleh itu, dapat kita simpulkan penggunaan bahasa Melayu dalam subjek berkenaan sudah menjadi kebiasaan dan sinonim bagi pelajar memahami konsep, kaedah dan penyelesaian masalah dalam subjek yang berkenaan. Maka sebarang perubahan yang dilakukan terhadap mata pelajaran berkenaan boleh mempengaruhi prestasi akademik pelajar.

Malah Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Hishamuddin Tun Hussein (2002) dalam Awang Sariyan (2003) berkata bahawa kegagalan melaksanakan program ini secara tersusun dan terperinci akan mengakibatkan pelajar menjadi mangsa. Bagi pelajar, pembelajaran merupakan suatu proses

yang melibatkan perubahan tingkah laku dalam usaha untuk memperolehi pengetahuan, tahap kesediaan mereka harus diambilkira. Kesediaan pelajar ini adalah bergantung kepada kematangan jasmani dan mental dan juga segala pengalaman yang terhimpun yang dapat bertindak menjadi asas kepada pembinaan pembelajaran yang baru. Oleh itu, tidak ada faedahnya sekiranya program ETeMS dilaksanakan tetapi tahap kesediaan pelajar tidak diambilkira (Asmah, 1989).

Kegagalan melaksanakan program ini secara tersusun dan terperinci akan mengakibatkan pelajar menjadi mangsa. Bagi pelajar, pembelajaran merupakan suatu proses yang melibatkan perubahan tingkah laku dalam usaha untuk memperolehi pengetahuan. Oleh itu, aspek pelaksanaan Program ETeMS ini terutamanya yang menyentuh aspek tahap prestasi pelajar dalam subjek Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris perlu diambilkira. Ini kerana asas pengetahuan pelajar dalam subjek-subjek berkenaan juga boleh memberikan kesan yang nyata dalam pelaksanaan program ini. Persoalan yang boleh dikemukakan misalnya ialah apakah pelajar yang mempunyai prestasi yang baik dalam subjek-subjek berkenaan boleh mempengaruhi kesediaan pelajar secara keseluruhannya? Jika dikaji sejarah pendidikan pelajar dari sekolah rendah, mata pelajaran Matematik dan Sains ini diajar dalam Bahasa Melayu. Dapat disimpulkan bahawa penggunaan Bahasa Melayu dalam subjek berkenaan sudah menjadi sinonim bagi pelajar dalam memahami konsep, kaedah dan penyelesaian masalah dalam subjek yang berkenaan. Maka, sekiranya Bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa pengantar dalam program ini, apakah kesediaan pelajar tidak terjejas dengan pembaharuan yang dilaksanakan?

Selain itu, aspek bahan-bahan seperti bahan-bahan bercetak (buku teks, buku teks tambahan dan lembaran aktiviti), peralatan (TV, komputer, projektor

LCD) dan perisian bahan pelajaran boleh diambilkira menjadi penyumbang terhadap pelaksanaan program ini.

Gross et al. (1971) menyatakan kejayaan proses pembaharuan dalam kurikulum bergantung kepada beberapa perkara dan antaranya ialah sumber yang diperolehi dan kesesuaian pengelolaan pengurusan sesuatu program. Penggunaan kaedah pengajaran, kepadanan atau kesesuaian mata pelajaran, ketrampilan guru dan kesempurnaan prasarana boleh dikaitkan dengan masalah keberkesanan guru dalam proses pengajaran dan pembelajarannya.

Kejayaan proses pembaharuan dalam kurikulum bergantung kepada beberapa perkara dan antaranya ialah sumber yang diperolehi dan kesesuaian pengelolaan pengurusan sesuatu program. Ini kerana kemudahan yang sedemikian boleh memberikan impak yang besar dalam proses P&P seandainya guru dan pelajar berjaya memanfaatkan sumber-sumber tersebut. Bagi pelajar terutamanya di luar bandar, kemungkinan kemudahan ICT merupakan perkara yang baru dan menakjubkan. Oleh itu, penggunaan kemudahan ICT di dalam proses P&P boleh memberikan implikasi yang nyata dalam situasi yang lebih kondusif dan produktif. Di sini timbul masalah, kerana ketaksuban pelajar-pelajar dengan fungsi teknologi tersebut kadang kala mengakibatkan objektif pembelajaran tidak tercapai.

Selain itu, berkemungkinan besar wujud beberapa halangan semasa proses P&P yang mungkin bukan disebabkan oleh faktor pelajar, guru mahupun aspek pengurusan sumber yang dibekalkan tetapi disebabkan oleh beberapa aspek pembelajaran yang lain seperti ruang fizikal sekolah, kemudahan prasarana-kemudahan bekalan elektrik dan sebagainya. Ini boleh menjadikan program ETeMS tidak dapat dijayakan sepenuhnya terutama bagi kawasan luar bandar yang masih mengalami masalah berkenaan.